



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/6/2021	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	KeTSA			

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyarankan aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini dihentikan.

Pengelola Bijaya Diraja KDYMM Sultan Pahang Datuk Ahmad Khirrizal Ab Rahman berkata, saranan itu selepas baginda mengadakan lawatan mengejut di sekitar kawasan Tasik Chini, kelmarin.

Katanya, baginda juga meneliti laporan dipersembahkan Menteri Besar Datuk Seri Wan Roasdy Wan Ismail berhubung aktiviti perlombongan di kawasan terbabit serta tindakan pemulihan dan pemeliharaan yang dijalankan kerajaan negeri.

"Baginda bersetuju dengan langkah kerajaan negeri yang tidak lagi mengeluarkan sebarang kelulusan baharu sejak 2019.

"Baginda selanjutnya menitahkan kerajaan negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan dalam bidang kuasa masing-masing dapat mengambil beberapa langkah.

"Tasik Chini merupakan permata alam sekitar di bumi negeri Pahang Darul Makmur dan merupakan Tanah Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) yang pertama di negara ini.



TASIK Chini merupakan permata alam sekitar di bumi negeri Pahang Darul Makmur.

"Justeru pengiktirafan bertaraf dunia itu hendaklah dipertahankan," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, baginda mengambil berat dan akan sentiasa memantau usaha dijalankan oleh kerajaan negeri untuk memastikan alam sekitar di Pahang sen-

tiasa terjaga.

Katanya, baginda menyeru semua pihak sentiasa mengamalkan prinsip alam sekitar, sosial dan urus takbir yang baik supaya khazanah alam hari ini akan terus kekal dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

"Oleh itu, kawasan bekas lombong dipulihkan se-

ma dengan penanaman pokok hutan yang bersesuaian.

"Selain itu meluaskan lagi kawasan Hutan Simpan Chini yang sedia ada seluas 4,600 hektar kepada kira-kira 6,000 hingga 7,000 hektar bagi menjaga kepentingan flora dan fauna di kawasan Tasik Chini dan se-

kitarnya.

"Tasik Chini yang diberi status tapak rizab biosfera Unesco dapat diberi keutamaan dari sudut peruntukan kewangan dan pembangunan yang lestari oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Alam Sekitar dan Air," katanya.